



TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40 2025

TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN 2025

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1.0 **Kempen BSN Simpan Berganda – B40 2025 (“Kempen”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula dari **01 Mac 2025 sehingga 30 Jun 2025 (“Tempoh Kempen”)**, tertakluk kepada terma dan syarat bagi Kempen ini sepertimana dinyatakan di bawah (**“Terma dan Syarat”**). **Kempen ini ialah kempen bersasar khas untuk pelanggan BSN “Segmen B40” dan peserta Program Literasi Kewangan BSN yang terpilih untuk mempelbagaikan simpanan mereka di BSN dalam bentuk akaun BSN GIRO/i dan akaun BSN Sijil Simpanan Premium (SSP).**

The BSN Simpan Berganda – B40 Campaign 2025 (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 01 March 2025 until 30 June 2025 (“Campaign Period”), subject to terms and conditions of the Campaign as stipulated below (“Terms and Conditions”). The Campaign is a targeted campaign for pre-selected BSN’s customers under the B40 segment and BSN Financial Literacy participants with the aim to diversify their savings options through their BSN GIRO/i account and BSN Sijil Simpanan Premium (SSP) accounts.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2.0 Kempen ini terbuka kepada dua (2) kategori pelanggan BSN yang memenuhi kriteria samada di bawah Klausula 2.1 atau 2.2 seperti berikut (**“Peserta”**):

This Campaign is open to two (2) categories of BSN’s customers who meet the criteria either under Clause 2.1 or 2.2 as the following (“Participants”):

2.1 Pelanggan individu sedia ada BSN “Segmen B40” yang memenuhi kriteria seperti berikut (**“Peserta Segmen B40”**):

BSN’s existing individual customers under B40 segment who meet the following criteria (“B40 Segment Participants”):

- a) Individu berumur 30 tahun dan ke atas;
Individuals aged 30 years old and above;
- b) Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) melalui akaun BSN GIRO/i mereka;
Receiver of Sumbangan Tunai Rahmah (STR) through their BSN GIRO/i account;
- c) Pemegang akaun BSN GIRO/i yang mempunyai Baki Akhir Bulan (“BAB”) maksimum RM1,000 mulai Oktober 2024 hingga Disember 2024; dan
Customers must be BSN GIRO/i holders with maximum End of Month (“EOM”) Balance of RM1,000 from October 2024 to December 2024; and
- d) Pelanggan tidak mempunyai akaun BSN SSP sedia ada;
Customers must not have an existing BSN SSP account.

2.2 Peserta Program Literasi Kewangan BSN yang terpilih yang memenuhi salah satu (1) kriteria seperti berikut (**“Peserta Literasi Kewangan BSN”**):

BSN Financial Literacy participants who meet either one (1) of the following criteria (“BSN Financial Literacy Participants”);

- a) Peserta yang menghadiri Bengkel Literasi Kewangan; atau
Participants who participated in Financial Literacy Workshops; or
- b) Peserta Program GoGiggers.
Participants of GoGiggers Programme.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40 2025

TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN 2025

3.0 Hanya Peserta yang disenarai pendek yang menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada pihak BSN dan yang memenuhi syarat-syarat di Klausa 2.1 atau 2.2 sahaja layak menyertai Kempen ini.

Only shortlisted participants who receives a Short Message Service (“SMS”) from BSN and fulfil the conditions in Clause 2.1 or 2.2 are eligible to participate in this Campaign.

4.0 Entiti-entiti / Individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
*The following entities/individuals are **INELIGIBLE** to participate in the Campaign:*

- a) Kakitangan tetap atau kontrak BSN dan/atau anak syarikatnya atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa);
Permanent or contract employees of BSN and/or its subsidiaries or related companies and/or their immediate family members (i.e. spouses, children and parents);
- b) Wakil-wakil, ejen-ejen dan/atau pembekal perkhidmatan BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pengiklanan dan promosi dan vendor komputer/sistem/teknologi);
BSN’s representatives, agents and/or service providers (including but not limited to the advertising and promotion agents and the computer/systems/technology vendors);
- c) Bukan warganegara Malaysia.
Non Malaysian citizen.
- d) Pelanggan yang tidak memenuhi kelayakan yang dinyatakan bagi kempen ini.
Customers who do not meet the specified eligibility requirements for this campaign.

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

5.0 Sebelum atau pada setiap akhir bulan dalam Tempoh Kempen, Peserta mestilah meningkatkan jumlah simpanan dalam akaun BSN GIRO/i Peserta sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) sebulan (berbanding BAB bulan sebelumnya). Peserta hendaklah mempamerkan peningkatan simpanan ini selama empat (4) bulan berturut-turut sepanjang Tempoh Kempen.

Before or at the end of each month within the Campaign Period, the Participants shall grow their total savings in their BSN GIRO/i at least Ringgit Malaysia Fifty (RM50) per month (from the EOM Balance of the previous month). The Participants shall grow these savings for four (4) consecutive months throughout the Campaign Period.

6.0 Peserta perlu membuka akaun BSN SSP dan membuat langganan ke dalam akaun BSN SSP pada setiap bulan bermula Mac 2025 hingga Jun 2025 serta memastikan jumlah terkumpul di dalam akaun BSN SSP Peserta adalah sebanyak RM600 sehingga tamat Tempoh Kempen.

The Participants must open BSN SSP account and make subscription into their BSN SSP account every month from March 2025 to June 2025 as well as ensure a minimum total of RM600 is accumulated in the Participant’s BSN SSP account at the end of the Campaign Period.

7.0 Sekiranya Peserta gagal memenuhi syarat yang dinyatakan di Klausa 5.0 dan 6.0 seperti di atas, penyertaan Peserta akan terbatal secara automatik.

If the Participant fails to fulfil the condition as specified in Clause 5.0 and 6.0 as above, the Participant’s participation will be automatically canceled.



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

8.0 Peserta akan menerima satu (1) penyertaan sekiranya Peserta memenuhi syarat yang dinyatakan di Klausula 5.0 dan 6.0 seperti di atas.
The Participants will receive one (1) entry when they fulfil the condition as specified in Clause 5.0 and 6.0 above.

9.0 Penyertaan Bonus akan diberikan dan dikira berdasarkan jumlah penambahan BAB di dalam akaun BSN GIRO/i Peserta pada akhir Tempoh Kempen. Jumlah pengganda akan ditentukan seperti jadual di bawah.
Bonus Entry will be awarded and calculated based on the total increments of EOM Balance in the Participant's BSN GIRO/i account at the end of Campaign Period. The multipliers are specified as table below:

Jumlah Penambahan BAB (RM) Total EOM Increments (RM)	Bonus Penyertaan Bonus Entry
200 - 299	X1
300 – 499	X3
500 – 999	X5
1,000 dan ke atas 1,000 and above	X8

*Jumlah penambahan BAB merujuk kepada perbezaan antara BAB pada 28 Februari 25 ("Garis Dasar Pelanggan") dan 30 Jun 25 ("Tamat Tempoh Kempen")

*Total increments in EOM Balance is referring to the difference between the EOM Balance as at 28 February 25 ("Customer Baseline") and 30 June 25 ("End of Campaign Period").

10.0 Gambaran senario kelayakan adalah seperti berikut:
Illustration of eligibility scenario are illustrated as follows:

Senario 1: Peserta yang memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang ditetapkan di dalam Klausula 5.0 dan 6.0 di atas.

Scenario 1: Participant fulfils Qualifying Criteria set in Clause 5.0 and 6.0 above.

Bulan Month	Feb-25 Feb-25	Mac-25 Mar-25	Apr-25 Apr-25	Mei-25 May-25	Jun-25 Jun-25
BAB Akaun BSN GIRO/i <i>BSN GIRO/i EOM Balance</i>	500	550	600	650	700
Penambahan BAB <i>Increment in EOM Balance</i>		50	50	50	50
Jumlah Penambahan BAB <i>Total Increment in EOM Balance</i>		50	100	150	200
Langganan BSN SSP <i>BSN SSP Subscription</i>		10	150	150	290
Jumlah Langganan BSN SSP <i>Total BSN SSP Subscription</i>		10	160	310	600
Penyertaan <i>Entry</i>	1				
Bonus Penyertaan <i>Bonus Entry</i>	1				
	Nota: Jumlah penambahan BAB sebanyak RM200 layak menerima 1 bonus penyertaan				



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

	Note: Total increments of EOM Balance of RM200 is eligible for 1 bonus entry.
Jumlah Penyertaan <i>Total Entry</i>	1

Nota: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja.

Note: *The above example is only for illustration.*

Senario 2: Peserta tidak mempunyai penambahan BAB di dalam akaun GIRO/i.

Scenario 2: *Customer with negative growth of EOM Balance in GIRO/i account.*

Bulan <i>Month</i>	Feb-25 <i>Feb-25</i>	Mac-25 <i>Mar-25</i>	Apr-25 <i>Apr-25</i>	Mei-25 <i>May-25</i>	Jun-25 <i>Jun-25</i>
BAB Akaun BSN GIRO/i <i>BSN GIRO/i Account EOM Balance</i>	500	550	600	650	600
Penambahan BAB <i>Increments in EOM Balance</i>		50	50	50	-50
Jumlah Penambahan BAB <i>Total Increments in EOM Balance</i>		50	100	150	100
Langganan BSN SSP <i>BSN SSP Subscription</i>		10	150	150	290
Jumlah Langganan BSN SSP <i>Total BSN SSP Subscription</i>		10	160	310	600
Penyertaan <i>Entry</i>	0				
Bonus Penyertaan <i>Bonus Entry</i>	0				
	Nota: Peserta tidak membuat penambahan BAB selama empat (4) bulan berturut-turut. Jika jumlah penambahan BAB adalah negatif pada bulan Jun 2025, Peserta tidak layak mendapat sebarang Penyertaan termasuk Bonus Penyertaan. <i>Note: The Participant did not increase their EOM for four (4) consecutive months. If there is a negative growth of EOM Balance at the end of June 2025, Participant is not eligible for any entry including the Bonus Entry.</i>				
Jumlah Penyertaan <i>Total Entry</i>	0				

Nota: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja.

Note: *The above example is only for illustration.*


**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

Senario 3: Peserta mempunyai jumlah terkumpul BSN SSP kurang daripada RM600.

Scenario 3: Participant with less than RM600 cumulative BSN SSP placement.

Bulan Month	Feb-25 Feb-25	Mac-25 Mar-25	Apr-25 Apr-25	Mei-25 May-25	Jun-25 Jun-25
BAB Akaun BSN GIRO/i BSN GIRO/i Account EOM Balance	500	550	600	650	700
Penambahan BAB Increments in EOM Balance		50	50	50	50
Jumlah Penambahan BAB Total Increments in EOM Balance		50	100	150	200
Langganan BSN SSP BSN SSP Subscription		10	150	150	150
Jumlah Langganan BSN SSP Total BSN SSP Subscription		10	160	310	460
Penyertaan Entry	0				
Bonus Penyertaan Bonus Entry	0				
	Nota: Jika jumlah terkumpul langganan BSN SSP sehingga tamat Tempoh Kempen adalah kurang daripada RM600, Peserta tidak layak mendapat sebarang penyertaan termasuk Bonus Penyertaan. <i>Note: If the total cumulative BSN SSP subscription is below than RM600 by the end of the Campaign Period, Customer is not entitled for any entry, including the Bonus Entry.</i>				
Jumlah Penyertaan Total Entry	0				

Nota: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja.

Note: The above example is only for illustration.

HADIAH KEMPEN / CAMPAIGN PRIZES

- 11.0 Pengiraan jumlah penambahan BAB dan langganan BSN SSP bagi setiap penyertaan yang layak akan dilakukan pada setiap akhir bulan sepanjang Tempoh Kempen.

At the end of each month during the Campaign Period, calculation on the growth of EOM Balance and SSP subscription will be performed on each eligible entry.

- 12.0 Semua Peserta yang memenuhi Kriteria Kelayakan seperti Klausula 5.0 dan 6.0 sepanjang Tempoh Kempen akan disenarai pendek untuk menjadi Pemenang.

All Participants that meet the Qualifying Criteria set in Clause 5.0 and 6.0 during the Campaign Period will be shortlisted to be the Winner.



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

- 13.0 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, seramai 75 Peserta akan dipilih sebagai pemenang melalui proses cabutan berkomputer secara rawak (“Pemenang”).

Subject to the adherence of the conditions as specified in this Terms and Conditions, 75 Participants will be selected as the winners through a computerized random draw process (“Winner(s”).

- 14.0 Pemenang yang terpilih melalui proses yang dinyatakan di Klausa 13.0 di atas akan menerima hadiah berupa Sijil Simpanan Premium BSN (“BSN SSP”) seperti berikut:
The Winners who were selected through the process as specified in Clause 13.0 above will receive the prizes in the form of Sijil Simpanan Premium BSN (“BSN SSP”) as follows:

Hadiah Prize	Jumlah Pemenang Total Winners	Jumlah (RM) Total (RM)
SSP bernilai RM1,000 <i>RM1,000 worth of SSP Certificates</i>	5	5,000
SSP bernilai RM500 <i>RM500 worth of SSP Certificates</i>	20	10,000
SSP bernilai RM100 <i>RM100 worth of SSP Certificates</i>	50	5,000
JUMLAH TOTAL	75	20,000

- 15.0 Setiap Peserta berpeluang memenangi **SATU (1)** Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen tidak mengira berapa jumlah akaun BSN GIRO/i yang dimiliki oleh Peserta.

*Each Participant will stand a chance to win only **ONE (1)** Prize throughout the Campaign Period, regardless of the number of BSN GIRO/i account owned by the Participant.*

- 16.0 Pemenang akan dihubungi oleh pihak BSN melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) di nombor telefon Pemenang yang berdaftar di dalam sistem BSN.

The Winner will be contacted by BSN via Short Message Service (SMS) using the Winner’s phone number that is registered in BSN’s system.

- 17.0 BSN berhak untuk memilih Peserta yang lain sebagai Pemenang untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa jua sebab sepanjang Tempoh Kempen.

BSN reserves the right to select another Participant as a Winner to substitute any Winner who are ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.

- 18.0 BSN berhak, untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada', tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

BSN has the right to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

Prizes are given on an "as is" basis, are not transferrable and are not exchangeable for cash, other items or voucher, in part or in full.

- 19.0 Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.
All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.
- 20.0 Penentuan Pemenang adalah muktamad. sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes tidak akan dilayan.
The determination of the Winners is final. Any correspondence, queries, appeals or protest will not be entertained.
- 21.0 Sekiranya Peserta menamatkan akaun BSN GIRO/i atau BSN SSP mereka atau akaun BSN GIRO/i atau BSN SSP Peserta ditamatkan atas sebarang alasan dalam Tempoh Kempen, maka penyertaan Peserta dalam Kempen ini akan terbatal secara automatik.
In the event the Participants terminate their BSN GIRO/i account or BSN SSP account or the Participants' BSN GIRO/i or BSN SSP account is terminated for any reason during the Campaign Period, then the Participant's entry in this Campaign will be automatically cancelled.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

- 22.0 BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuk sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan yang dibutirkan di dalam Klausa ini.
BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever including in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Participant directly or indirectly, caused by the changes described in this Clause.
- 23.0 BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki melanggar Terma dan Syarat ini termasuk menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini.
BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Participant that is found or suspected to be in violation of this Terms and Conditions including tampering with the



TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40 2025

TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN 2025

Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has tampered the Campaign's process, the operation of this Campaign or undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

- 24.0 Peserta adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.
The Participant shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.
- 25.0 Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Peserta untuk menyertai Kempen ini dan/atau untuk menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta.
Any cost, fee and/or expenses incurred by the Participant to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Participant.
- 26.0 BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.
BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading and other similar things that prevent any individual from participating in this Campaign.
- 27.0 BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta daripada penyertaan Kempen ini.
BSN cannot guarantee and does not promise any specific results to any Participant from participating in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

- 28.0 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dan/atau Pemenang bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi dan butiran penyertaan atau maklumat dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
- a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau
 - b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
 - c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
 - d) untuk mengesahkan status akaun Peserta dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
 - e) apabila diminta secara bertulis oleh Peserta; atau
 - f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

By participating in this Campaign, the Participants and/or Winners agree to give express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to Personal Data and participation details or information being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any;

- a) *for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which is accessible on BSN's Website; or*
- b) *to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- c) *to comply with a Court order or direction; or*
- d) *to verify the Participant's account status with any third party (if relevant); or*
- e) *where the Participants request in writing; or*
- f) *to protect and defence BSN or BSN's asset.*

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.

- 29.0 Peserta memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Peserta atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Participants hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Participant's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

- 30.0 Peserta mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

The Participant have the right at any time to:

- 30.1 Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- 30.2 Meminta apa-apa pembetulan/pengemaskinian Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- 30.3 Bertanya mengenai penggunaan Data Peribadi;
Raise any questions regarding the use of Personal data;

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.

- 31.0 Peserta bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Peserta yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Peserta.

The Participants agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Participants' participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Participants.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

- 32.0 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah bersetuju:-
By participating in this Campaign, all Participants are deemed to have agreed:-
- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi Akaun Islamik dan Terma dan Syarat bagi Akaun Konvensional dan Terma dan Syarat berkaitan BSN SSP dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan ke atasnya; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of Islamic Account and Terms and Conditions of Conventional Account and Terms and Conditions of BSN SSP and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
 - b) Untuk mengakses www.bsn.com.my ("Laman Web BSN") dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
To access to www.bsn.com.my ("BSN's Website") on regular basis to ensure that the Participants are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.
- 33.0 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dan/atau Pemenang memberi kebenaran kepada BSN, khususnya bagi tujuan Kempen ini sahaja, untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN, tertakluk kepada Polisi Privasi di Laman Web BSN. Peserta dan/atau Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.
By participating in this Campaign, the Participants and/or the Winners consent to BSN, strictly for the purpose of this Campaign only, the right to publish or display the its name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate, subject to the Privacy Policy in BSN's Website. The Participant(s) and/or Winners are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.
- 34.0 Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Participants, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.
- 35.0 Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti



**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025**
**TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.

- 36.0 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Participant and/or Winner resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

- 37.0 BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta dan Pemenang. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participants and Winners. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Participants and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes.

- 38.0 Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Peserta melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participants and be deemed to be brought to the Participant's attention and

**TERMA DAN SYARAT KEMPEN BSN SIMPAN BERGANDA – B40
2025****TERMS AND CONDITIONS BSN SIMPAN BERGANDA – B40 CAMPAIGN
2025**

knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

- 39.0 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.

- 40.0 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

- 41.0 Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 1-300-88-1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 1-300-88-1900.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -**